

**UJIAN BULANAN FEBRUARI 2019
BAHASA MELAYU TAHUN 5
PEMAHAMAN**

[1 Jam 15 Minit]

NAMA:

MARKAH:

%

KELAS :

TANDATANGAN IBU BAPA:

Bahagian A

[20 markah]

Soalan 1 – 13

Pilih jawapan yang **paling sesuai** bagi soalan yang berikut.

1. "Layanlah rakyat jelata _____ dengan baik," titah Sultan Muzaffar.
A. beta
B. patik
C. tuanku
D. hamba
2. "Ampun tuanku. _____ menjunjung perintah," kata Datuk Bendahara kepada baginda sultan.
A. Beta
B. Patik
C. Tuanku
D. Baginda
3. Abang Mohan akan melanjutkan pengajiannya dalam bidang perubatan di _____.
A. Klinik Desa
B. Hotel Selesa
C. Universiti Sains
D. Balai Polis Sri Aman

Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah.



4. Para pengunjung duduk sambil menikmati _____ kawasan air terjun itu.
- A. keenakan
 - B. keriangin
 - C. keindahan
 - D. kemewahan

Soalan 5 berdasarkan gambar di bawah.



5. Hasil kerja Ah Heng kurang memuaskan kerana dibuat dengan _____.
- A. tergesa-gesa
 - B. teresak-esak
 - C. bersorak-sorai
 - D. berwarna-warni
6. Setiap pagi, murid-murid akan _____ di tapak perhimpunan sebelum bergerak ke kelas masing-masing.
- A. berehat
 - B. berucap
 - C. berhimpun
 - D. bekerjasama

- Bendera Jalur Gemilang akan _____ pada setiap pagi hari Isnin.
- A. diatur
 - B. disorak
 - C. dikibarkan
 - D. ditaburkan
8. Soon Keat meletakkan se _____ bunga ros di dalam pasu di sisi katil nenek.
- A. utas
 - B. sikat
 - C. tandan
 - D. jambak
9. Puan Jayanti menggunakan _____ untuk menyedapkan hidangan lauk tengah hari yang dimasaknya.
- A. lauk-pauk
 - B. kuih-muih
 - C. ramai-ramai
 - D. rempah-ratus
10. Kita boleh menggunakan _____ untuk mengenal pasti identiti manusia.
- A. ibu jari
 - B. cap jari
 - C. cakar ayam
 - D. kaki ayam
11. Gimis menampalkan sehelai notis pada _____ di bilik darjah.
- A. papan kayu
 - B. papan iklan
 - C. papan tanda
 - D. papan notis
12. Perniagaan Encik Chandran terpaksa _____ kerana mengalami kerugian.
- A. putus asa
 - B. gulung tikar
 - C. buruk sangka
 - D. serkap jarang
13. Penduduk Kampung Sungkak bersikap _____ untuk mencari rezeki setiap hari.
- A. mati akal
 - B. buah fikiran
 - C. ringan tulang
 - D. panjang tangan

Soalan 14 – 15

Pilih ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.

14. Soon Keat memapah Sujata keluar dari parit besar itu.

- A. Sujata dipapah oleh parit besar itu dari Soon Keat.
- B. Soon Keat dipapah oleh parit besar itu keluar dari Sujata.
- C. Sujata dipapah oleh Soon Keat keluar dari parit besar itu.
- D. Soon Keat dipapah oleh Sujata keluar dari parit besar itu.

15. Datuk dan nenek diziarahi oleh Encik Yap sekeluarga di kampung.

- A. Encik Yap sekeluarga menziarahi datuk dan nenek di kampung.
- B. Encik Yap sekeluarga menziarahi kampung datuk dan nenek.
- C. Datuk dan nenek menziarahi Encik Yap sekeluarga di kampung.
- D. Datuk dan nenek menziarahi kampung Encik Yap sekeluarga.

Soalan 16

Pilih ayat yang betul.

- I Aduhai, malangnya nasib Encik Chandran!
- II Bilakah kamu melancong ke Pulau Pinang?
- III Silalah kamu risaukan tentang perkara ini.
- IV Encik Paulus seorang yang sangat peramah.

- A. I dan II
- B. II dan III

- C. I, II dan IV
- D. II, III dan IV